



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

حياتنا خير حال الجوارح اكامل للسلامة

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

05 RABIULAKHIR 1445H/ 20 OKTOBER 2023M

“INTEGRITI PENDUKUNG KEKUATAN UMMAH”

Disediakan oleh
Bahagian Penyelidikan & Sebaran Am, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)
Dengan Kerjasama
Institut Integriti Malaysia (IIM)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.

KHUTBAH TELAH DISEMAK

TARIKH DISEMAK : 

PEGAWAI PENYEMAK: RAZAK BIN HAMDIN.....

Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang Syariah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

17/10/2023



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH RASMI JHEAINS

DILULUSKAN PADA : 18/10/23

DIBACA PADA : 

DILULUSKAN OLEH : ADAM BIN ABDUL HAI

Unit Baitul Hikmah
Bahagian Penyelidikan Dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

إِنَّا عَرَضْنَا الْأَمَانَةَ عَلَى السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالْجِبَالِ فَأَبَيْنَ أَنْ يَحْمِلْنَهَا وَأَشْفَقْنَ

مِنْهَا وَحَمَلَهَا الْإِنْسَانُ إِنَّهُ كَانَ ظَلُومًا جَهُولًا ﴿٧٢﴾ (سورة الأحزاب (33): 72)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ،

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ،

وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، يَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى، فَقَدْ فَازَ

الْمُتَّقُونَ.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Saya ingin mengingatkan diri saya dan sidang jemaah sekalian, marilah kita bersama-sama untuk meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah S.W.T dengan melaksanakan suruhanNya dan meninggalkan laranganNya di samping berusaha mencari kehidupan yang diberkati dan diredhai oleh Allah SWT. Khatib akan membicarakan khutbah yang bertajuk **“INTEGRITI PENDUKUNG KEKUATAN UMMAH”**.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Integriti menurut Islam merujuk kepada salah satu dari cabang-cabang taqwa. Perbincangan integriti dalam Islam kerap kali dikaitkan dengan konteks amanah dan itqan yakni bersungguh-sungguh dalam melakukan pekerjaan. Terdapat dua ciri-ciri orang beriman yang digambarkan oleh Allah S.W.T seperti dalam Firman-Nya dalam Surah Mu'minin, ayat 8:

وَالَّذِينَ هُمْ لِأَمَانَاتِهِمْ وَعَهْدِهِمْ رَاعُونَ ﴿٨﴾

Maksudnya: *“Dan mereka yang menjaga amanah dan janjinya.”*

(QS al-Mu'minin (23):8)

Merujuk kepada maksud ayat tersebut, Islam mewajibkan umatnya untuk menjaga dan memelihara amanah dan janji yang diberikan dengan sebaik-baiknya sama ada antara seorang hamba dengan Allah S.W.T atau sesama manusia. Sebagai orang yang beriman, janganlah kita mengkhianati amanah dan janji kita terutama dengan Allah S.W.T, sama ada dengan melanggar larangan-Nya atau mengabaikan perintah-Nya. Begitu juga dalam konteks perhubungan sesama manusia, segala perkara yang diamanahkan dan janji yang dilafazkan mestilah dilaksanakan dengan sempurna sama ada dalam hubungan kekeluargaan, bermasyarakat dan bernegara.

Di samping itu, Rasulullah S.A.W juga sangat menekankan sifat amanah dan itqan dalam bekerja seperti dalam Hadisnya yang **bermaksud:**

“Sesungguhnya Allah S.W.T mencintai seseorang yang apabila dia mengerjakan sesuatu pekerjaan, dia melakukan dengan itqan (bersungguh-sungguh).”

(Hadis Riwayat al-Thabarani)

Dari maksud Hadis ini juga, Islam menitikberatkan supaya umatnya sentiasa bersungguh-sungguh dalam melaksanakan tugas dengan amanah, rajin dan memegang nilai kebaikan yang tinggi termasuk mengamalkan integriti pada setiap masa dan setiap kerja.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Kisah dan contoh nilai integriti yakni amanah yang boleh kita teladani adalah melalui dari kisah Nabi Yusuf A.S. Baginda merupakan seorang Rasul yang terkenal dengan kemampuan untuk melakukan perancangan ekonomi dan kewangan negeri Mesir yang mana pada ketika itu, Baginda menawarkan diri kepada Raja Mesir untuk menjawat jawatan Bendahara negara kerana yakin dengan amanah dan kewibawaannya dalam menjalankan tugas tersebut. Ini jelas digambarkan dalam al-Quran melalui Firman Allah S.W.T dalam Surah Yusuf, ayat 55:

قَالَ أَجْعَلْنِي عَلَىٰ خَزَائِنِ الْأَرْضِ إِنِّي حَفِيظٌ عَلِيمٌ ﴿٥٥﴾

Maksudnya: “Nabi Yusuf berkata: Jadikanlah aku pengurus perbendaharaan hasil bumi (Mesir); sesungguhnya aku bersedia menjaganya dengan sebaik-baiknya lagi mengetahui cara mentadbirkannya”.

(QS Yusuf (12):55)

Apa yang kita dapat pelajari daripada kisah Nabi Yusuf A.S ini adalah Baginda bersedia berkhidmat bukan kerana mengharapkan jawatan mahupun kedudukan, akan tetapi demi untuk menjaga kemaslahatan dan bagi memastikan pentadbiran negara dapat ditadbir dengan baik. Baginda sentiasa menitikberatkan elemen amanah dan berilmu dalam mengurus serta menjaga khazanah negara. Pastinya ini merupakan salah

satu aspek penting yang perlu kita amati dalam konteks masyarakat, negara dan dunia pada hari ini.

Sudah sewajarnya dengan contoh nilai terbaik yang ditunjukkan dalam al-Quran melalui kisah-kisah para Rasul dan Nabi, nilai integriti seperti amanah dan adil sepatutnya ditanam dan diserap menjadi satu sikap yang sehati dalam diri kita semua. Sebagai umat Islam yang mempunyai pengamalan nilai dan akhlak yang terpuji, sepatutnya ia lebih terserlah dalam bentuk perlakuan bukan sahaja kelembutan peribadi akan tetapi kemuliaan akhlak dari sudut kejujuran dan kebertanggungjawaban.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Pembudayaan nilai integriti merupakan satu sifat terpuji yakni sifat mahmudah yang harus diterapkan dalam kehidupan seseorang insan seperti mana yang ditunjukkan oleh Baginda Nabi Muhammad S.A.W. Baginda sentiasa mengamalkan dan menunjukkan contoh ikutan yang terbaik kepada umatnya seperti yang digambarkan oleh Allah S.W.T dalam FirmanNya dalam Surah al-Ahzab, ayat 21:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ
الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا ﴿٢١﴾

Maksudnya: “Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharap (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang).”

(QS al-Ahzab (33):21)

Tanpa integriti seperti tidak beramanah dan tidak berlaku jujur serta sentiasa bergelumang dengan sifat mazmumah dalam diri seseorang itu, ianya akan menyebabkan kedudukannya terjejas di sisi Allah S.W.T malah akan mendapat kecelakaan di dunia dan di akhirat.

Akibatnya telah diceritakan melalui suatu kisah yang diriwayatkan oleh Ibnu Abbas semasa zaman Baginda Nabi Muhammad S.A.W di mana selepas tamatnya Peperangan Khaibar, beberapa orang sahabat Baginda Nabi Muhammad S.A.W telah berkata kepada sahabat yang telah gugur syahid “fulan ini telah syahid”, “fulan ini telah syahid” sehingga sampai kepada seorang lelaki dan mereka berkata “fulan ini telah syahid”.

Tetapi Baginda Nabi Muhammad S.A.W kemudian bersabda yang **maksudnya:**

“Sesekali tidak. Sesungguhnya aku melihatnya di dalam neraka kerana jubah yang dicurinya.”

(Hadis Riwayat Muslim)

Walaupun hanya perlakuan tidak jujur dan tidak amanah, mengakibatkan seseorang itu tidak terlepas dari azab dan hukuman di atas perbuatannya itu.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Pada 16 dan 17 Oktober minggu ini, satu Konvensyen Integriti, Tadbir Urus dan Anti Rasuah telah dijayakan dengan cemerlang bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sabah (SICC). Konvensyen tersebut bertujuan memupuk kesedaran bukan sahaja dalam kalangan penjawat awam malah di setiap lapisan masyarakat mengenai keperluan dan

kepentingan mengamalkan nilai-nilai murni dan integriti secara berterusan.

Bersempena Bulan Integriti Nasional 2023, Institut Integriti Malaysia (IIM) juga akan melaksanakan program-program kesedaran disamping meningkatkan serta memperkasakan lagi ekosistem dan pembudayaan integriti serta tata kelola negara buat seluruh rakyat Malaysia. Semoga inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan oleh IIM akan dapat melahirkan generasi dan masyarakat Madani dan seterusnya membentuk negara yang harmoni.

Justeru, sudah masanya nilai integriti dan Islam diterapkan dalam kehidupan kita seharian agar menjadi pendukung kekuatan bagi setiap individu terutama dalam menjalankan tugas yang diamanahkan. Marilah kita bersama-sama meningkatkan dan membudayakan nilai integriti bagi membentuk semangat Malaysia MADANI.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Menyimpul khutbah pada hari ini, kita harus mengambil beberapa pengajaran dan intipati iaitu:

Pertama: Pembudayaan, pengamalan dan penghayatan terhadap nilai integriti adalah sejajar dengan nilai akhlak dalam Islam yang sepatutnya dijadikan satu manifestasi asas dalam kehidupan seharian.

Kedua: Ingatlah, amanah itu sangat berat, maka peliharalah ia sebaik-baiknya. Manakala, berbuat janji itu sangat mudah, maka tepatilah ia dengan penuh kesungguhan.

Ketiga: Berusahalah menjadi insan yang mengamalkan nilai-nilai baik (sifat mahmudah) agar dapat meningkatkan nilai diri, keluarga,

masyarakat dan negara menuju ke arah yang lebih diberkati serta diredai oleh Allah S.W.T.

Renungilah Firman Allah SWT dalam Surah Nahl, ayat 97:

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهٗ حَيٰوةً طَيِّبَةً

وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُمْ بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٩٧﴾

Maksudnya: “Sesiapa yang beramal soleh, dari lelaki atau perempuan, sedang ia beriman, maka sesungguhnya Kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik; dan sesungguhnya kami akan membalas mereka, dengan memberikan pahala yang lebih dari apa yang mereka telah kerjakan.”

(QS an-Nahl (16):97)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ

وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي

هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ

وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيك س خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ،
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.
اللَّهُمَّ ارْضَ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَعَنْ التَّابِعِينَ
وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ
الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.
اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَيْنَا وَعَلَى
مَلِكِنَا كَبَاوَه دُولِي يَغْ مَهَا مَوْلِيَا سَرِي قَادُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفْرَتَوَانْ أَكُوغْ وَفَحَامَةِ

الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانِ يَغِ تَرَاوَتَامِ يَغِ دَفَرْتُوا نَكْرِي سَابِهِ. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ
وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ اذْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا
بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, selamatkanlah saudara-saudara kami kaum Muslimin Muslimat yang tertindas di bumi barakah khususnya Palestin, kasihanilah mereka dan limpahkan gugusan Rahmat-mu ke atas mereka. Keluarkan mereka dari kesempitan dan kesulitan serta porak perandakan kepungan musuh yang menindas mereka.

Ya Aziz Ya Jabbar, terimalah yang gugur dari kalangan saudara kami sebagai golongan syuhada yang mulia di sisi-Mu, kurniakan kesembuhan yang jatuh sakit dikalangan mereka, kurniakan keafiatan pada yang cedera.

Ya Allah, sesungguhnya kami meyakini engkau sentiasa Bersama mereka, maka hindarkan mereka daripada mara bahaya musuh yang sentiasa menentang mereka, hukumlah zionis yahudi yang melampau batas yang melakukan kezaliman terhadap saudara kami tanpa kasihan belas. Musnahkanlah segala kekuatan yang mereka miliki, kerana mereka memang tidak berupaya melawan dan melemahkan kekuatan dan kekuasaan-Mu.

Ya Qawiyy wa Ya Qahhar, Engkau cerai beraikan ikatan antara mereka, porak perandakan kesatuan mereka serta gagalkanlah segala tipu daya serta perancangan jahat mereka khususnya puak zionis yahudi dan konco-konco yang membantu mereka.

Ya Rahman wa Ya Rahim, bantulah kami Umat Nabi Muhammad, Perbaiki serta Rahmatilah Umat Nabi Muhammad, Engkau pimpinlah dan bimbinglah kami ke jalan yang lurus yakni jalan yang engkau redai.

Ya Allah! Naungilah kehidupan kami dengan kesejahteraan, keamanan, dan keselamatan serta kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati. Hiasilah diri kami dengan sifat-sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat-sifat yang terkeji.

Ya Allah, Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah
Tel: 088-522127 / jheains.penerbitan@gmail.com